

31 JAN 2003

Mahathir-Biografi (Bergambar)

BUKU BIOGRAFI PENTING BAGI GENERASI MUDA PELAJARI SEJARAH NEGARA

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Penulisan buku-buku biografi mengenai pejuang-pejuang kemerdekaan negara amat penting dan diperlukan untuk dijadikan garis panduan kepada generasi muda mengetahui dan mempelajari sejarah kemerdekaan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata apa yang telah dilakukan oleh para pejuang kemerdekaan terutama semasa negara hendak mencapai kemerdekaan perlu direkodkan kerana ia menjadi panduan kepada generasi akan datang.

"Kita harus ingat apa yang berlaku pada hari ini akan menjadi satu sejarah pada masa akan datang tapi ramai daripada kita yang menganggap apa yang berlaku pada hari ini tidak mempunyai apa-apa makna ataupun menjadi suatu benda yang dihargai.

"Tetapi sebenarnya dalam sejarah sesuatu negara, apa yang dilakukan hari ini perlu dicatat dan direkodkan untuk masa depan kerana pada masa itu ramai yang berminat untuk mengetahui apa yang telah berlaku sebelum masa berkenaan," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran buku biografi Tan Sri Fatimah Hashim, wanita pertama yang dilantik sebagai menteri di Malaysia.

Buku berjudul "Tan Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin" yang ditulis oleh Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim dan Dr Rokiah Talib mengisahkan bagaimana Fatimah menjadi model wanita yang berjaya dalam kerjaya khususnya bidang politik tanpa mengorbankan keluarga.

Dr Mahathir berkata kerajaan menggalakkan penulisan buku-buku berkenaan dan segala usaha yang dilakukan ke arah itu.

Mengimbau kembali peranan Fatimah, Perdana Menteri berkata Ketua Kaum Ibu Umno (kemudiannya dipanggil Wanita Umno pada 1972) itu memainkan peranan yang amat besar bersama Perdana Menteri Malaysia pertama Tunku Abdul Rahman Putra dalam perjuangan parti dan kemerdekaan negara.

Dr Mahathir berkata secara kebetulan sahaja Fatimah yang berasal dari Muar, Johor itu bertanding kerusi pilihan raya di Kedah.

"Sekarang ini, perkara sebegini (orang luar bertanding di kawasan lain) adalah rumit sedikit. Orang tempatan selalu hendak nak calon dari kampung mereka, jika tidak daripada rumah mereka sekurang-kurangnya dari kampung mereka, kalau jauh sikit daripada itu sudah tidak boleh diterima," katanya.

Mengimbau kembali pemilihan calon pilihan raya dahulu, beliau berkata calon-calon pilihan raya dahulu tidak berhempas pulas untuk menjadi calon seperti sekarang.

Dr Mahathir berkata beliau masih ingat dengan jelas bahawa pemimpin dahulu yang kebanyakan setakat mempunyai pendidikan sehingga Darjah Lima sekolah Melayu, satu tahap yang tinggi pada masa itu, sering memohon maaf menolak pelawaan menjadi calon kerana mengganggu diri mereka tidak layak menjadi wakil rakyat.

Beliau juga berkata tiada langsung sungutan untuk menerima Fatimah sebagai calon di Jitra, sebanyak tiga kali pilihan raya, dengan setiap kali pertandingan mendapat kemenangan yang cemerlang.

Dr Mahathir berkata situasi itu menunjukkan sikap kenegerian atau kedaerahan tidak begitu kuat pada zaman dahulu.

"Ini adalah satu kebaikan kerana kita harus memberi tempat kepada sesiapa yang layak untuk berjuang," katanya.

Perdana Menteri berkata pelantikan Fatimah sebagai menteri wanita pertama di Malaysia dengan memegang portfolio Menteri Kebajikan Am adalah tepat kerana negara perlu menggunakan tenaga dan kebolehan wanita, yang

merupakan 50 peratus penduduk negara ini.

Beliau berkata kejayaan Fatimah dalam bidang politik telah menyemarakkan semangat dan minat wanita Melayu untuk menyertai politik dan sehingga kini ia semakin berkembang luas.

"Kalau wanita tidak diberi peluang untuk menyertai bidang-bidang tertentu maka tenaga kita akan berkurangan sebanyak 50 peratus dan di Malaysia, wanita memainkan peranan politik yang amat luas dan ini mengkagumkan banyak negara lain," katanya.

Berikutan kejayaan dan peranan wanita dalam politik Umno, katanya jumlah wanita yang berminat untuk memainkan peranan telah meningkat dan ini satu sumbangan yang baik kepada negara kerana tenaga wanita tidak boleh diketepikan sama sekali.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa sedih kerana masih terdapat keadaan yang wanita diketepikan sama sekali termasuk untuk mendapat pendidikan malah dikenakan peraturan termasuk pakaian yang sebenarnya merupakan satu tekanan.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah dan menyanjung jasa Fatimah yang menjadi tokoh wanita, yang patut dicontohi dan diteladani kaum wanita negara ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan buku berkenaan kepada wakil Sekolah Rendah Datin Fatimah, Kedah, Sekolah Agama Tan Sri Abdul Kadir, Johor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Perpustakaan Negara.

-- BERNAMA

HS HS RHM